



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13 July 2015

# Proton lancar logo ulang tahun ke-30

UM  
-13/7/2015

**KUALA LUMPUR 12 Julai** - Proton Holdings Bhd. (Proton) melancarkan logo sambutan ulang tahun ke-30 penubuhan syarikat kereta nasional itu yang lahir pada 9 Julai 1985 dan dirasmikan oleh Pengasas dan Pengerusi Proton, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Ketua Pegawai Eksekutif Proton, Datuk Abdul Harith Abdullah berkata, logo yang dibuat dalam format yang mudah itu menggabungkan unsur-unsur masa lalu dan masa depan dalam bulatan yang mana semuanya dihubungkan bersamanya dalam industri automotif.

Katanya, logo tersebut menggambarkan semangat sebuah organisasi progresif yang berpandangan ke hadapan, kekal berdaya tahan, bertanggungjawab kepada pemegang kepentingan dan disegani bagi dekad akan datang.

"Logo ulang tahun ini akan dimasukkan ke dalam semua iklan Proton, produk dan juga imej korporat dan pada papan tanda yang dipaparkan di bilik pameran, jualan dan acara pemasaran," katanya dalam kenyataan di sini.

Sementara itu, beliau berkata, Proton akan menawarkan rebat bernilai RM3,000 kepada pelanggan yang lahir pada tahun 1985 bersempena dengan sambutan ulang tahun yang genap 30 tahun pada 9 Julai lalu.

Menurutnya, tahun ini merupakan tahun istimewa bagi proton, sejak model Proton Saga pertama dikeluarkan, syarikat itu telah membantu memacu ekonomi Malaysia terutamanya bagi industri automotif.

"Sehingga kini, Proton telah menyaksikan sebanyak 4 juta kenderaan telah dikeluarkan," ujarnya.

Dalam pada itu, sempena ulang tahun tersebut, Proton turut menawarkan pakej *trade-in* kereta lama dan digantikan dengan kereta Proton baharu dan juga akan menerima rebat sebanyak RM100 bagi setiap tahun semasa kenderaan mereka.

Tambahnya, Proton turut menawarkan harga terendah bagi model Proton Saga iaitu RM30,000 termasuk insurans dan cukai jalan.

"Kami turut menubuhkan dana di mana kami akan menyumbangkan RM30 bagi setiap pembelian kereta Proton untuk diberikan kepada mereka yang memerlukan," katanya.



**DR. MAHATHIR MOHAMAD (kanan) dan Abdul Harith Abdullah** pada majlis pelancaran logo ulang tahun ke-30 Proton, baru-baru ini.